

18 JAN 2002

DR MAHATHIR TIBA DI ALOR SETAR UNTUK LAWAT KUBANG PASU

ALOR SETAR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini untuk menghadiri majlis sambutan Hari Raya bersama penduduk daerah Kubang Pasu.

Beliau bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba pada 9.20 pagi dan disambut oleh hampir 3,000 orang anggota Barisan Nasional Kedah diketuai Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Dr Mahathir mengambil masa hampir 45 minit bersalaman dengan penyokong BN sebaik turun dari kapal terbang sebelum dapat masuk ke bilik rehat lapangan terbang itu.

Beliau kemudian berlepas ke Institut Perguruan Darul Aman di Bandar Darul Aman, 20 km dari sini untuk bertemu pegawai-pegawai kerajaan daerah Kubang Pasu dan menghadiri majlis jamuan Hari Raya bersama penduduk daerah Kubang Pasu di tempat yang sama selepas itu.

Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu akan menunaikan solat Jumaat di masjid Lubuk Kawah, dekat Bandar Darul Aman.

-- BERNAMA

ZA MAI